

SISTEM PENGURUSAN BENCANA DI MALAYSIA:

KAJIAN KES BANJIR

Dr. Mohamad Sukeri Khalid

Prof Madya Abdul Rahim Anuar

Dr. Mohd Razani Mohd Jalil

ABSTRAK

Tujuan kertas kerja ini dihasilkan ialah untuk membincangkan isu berkaitan sistem penyampaian bantuan oleh pihak berkuasa terhadap mangsa banjir di Malaysia. Sistem pengurusan bencana negara yang ditadbir urus oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Kejadian bencana banjir di Kedah digunakan sebagai kajian kes untuk menentukan kecekapan sistem pengurusan bencana. Justeru pengalaman dan pandangan mangsa banjir di 12 daerah di negeri Kedah dengan sample kajian seramai 534 keluarga mangsa banjir daripada populasi kajian 3,674 keluarga mangsa banjir (atau 15 peratus daripada populasi kajian) telah diperolehi melalui survei dan temubual kumpulan sasaran (TKS) secara bersemuka dengan mangsa banjir untuk menilai sistem penyampaian bantuan yang dipraktikan oleh pihak berkuasa apabila berlaku bencana. Berdasarkan penganalisisan yang dijalankan, dapatkan kajian menunjukkan bahawa mangsa banjir berpuashati terhadap keseluruhan sistem penyampaian bantuan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa.

PENGENALAN

Bencana jika berlaku boleh mengundang kemudaratan kepada masyarakat dan hartabenda. Kemungkinan besar ia melibatkan kehilangan nyawa insan yang tercinta. Jika ditinjau dari aspek takrifan bencana itu sendiri, ia boleh didefinisikan dari pelbagai perspektif. Bagi maksud kertas kerja ini, penulis menggunakan definisi Carter (1991) yang mendefinisikan bencana sebagai *satu kejadian, semulajadi atau perbuatan manusia, secara tiba-tiba atau beransur-ansur, dengan kesan yang kuat dan membuatkan komuniti terbabit bertindak balas dengan mengambil langkah-langkah luar biasa*.

Bencana mempunyai kesan sosial dan ekonomi yang nyata atas komuniti atau negara yang dilanda bencana sama ada bencana alam atau bencana akibat daripada kelalaian manusia. Apabila bencana melanda, individu, industri dan kerajaan perlu bekerjasama dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa terlibat bagi mengurangkan

kesusahan dan tekanan yang mereka hadapi. Memang sukar untuk menyelami secara langsung emosi mereka bilamana menjadi mangsa bencana ini. Justeru, menjadi tanggungjawab semua pihak berganding bahu bagi membantu seminimum mungkin apa jua bantuan yang bersifat bantuan kewangan dan juga bukan kewangan dalam kadar segara.

Justeru, penghasilan kertas kerja ini adalah bertujuan untuk membincangkan pengalaman mangsa banjir di negeri Kedah, yang merupakan salah sebuah negeri di utara Malaysia. Perbincangan merujuk kepada pendekatan sistem penyampaian bantuan oleh pihak kerajaan kepada mangsa banjir. Selain itu, kertas kerja ini juga turut membincangkan aspek jenis-jenis bantuan yang disalurkan kepada mangsa banjir.

PENGURUSAN BENCANA

Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan berkonsepkan sebagai sebuah negara berkebajikan, telah menggubal dasar berkaitan pengurusan bencana negara yang sistematik dan berkesan. Walaupun Malaysia dari aspek geografi dan geologinya tidak termasuk dalam lingkaran negara-negara yang terdedah dengan bencana alam seperti gempa bumi, Malaysia tidak dapat lari dari ketentuan Ilahi untuk berdepan dengan bencana alam iaitu banjir saban tahun.

Justeru penggubalan polisi yang berkaitan dengan pengurusan dan bantuan bencana negara, di wujudkan di bawah **Arahan No. 20 Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara** (selepas ini disebut MKN-20) yang disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Bencana sama ada yang berpunca daripada alam semulajadi dan kelalaian manusia mempunyai impak negatif kepada mangsa banjir, individu, industri dan kerajaan. Ada bencana yang boleh dijangkakan manakala ada pula yang sukar diramalkan. Sebagaimana yang disebutkan tadi, di Malaysia bencana alam jarang berlaku. Walaupun begitu, antara bentuk bencana yang kerap direkodkan di negara ini ialah banjir, banjir kilat dan tanah runtuh.

TAKRIF DAN JENIS BENCANA

MKN mendefinisikan bencana sebagai sesuatu kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda atau alam sekitar serta menjaskan aktiviti masyarakat tempatan. Kejadian itu memerlukan pengendalian yang melibatkan sumber, peralatan, kekerapan, dan tenaga manusia yang meluas daripada banyak agensi serta penyelaras yang berkesan, dalam mana kemungkinan memerlukan tindakan yang kompleks dan jangkamasa yang panjang.

MKN juga mentakrif kejadian bukan bencana yang meliputi kejadian atau kemalangan yang bersifat kecemasan atau tidak dan hanya melibatkan sejumlah mangsa dan kesannya hanya kepada mangsa terlibat. Kejadian dan kemalangan yang bersifat itu tidak mempunyai kemungkinan untuk merebak. Di antara kejadian bukan bencana itu ialah seperti kemalangan kenderaan, kebakaran kecil atau kemalangan air di tasik atau sungai. Terdapat beberapa kejadian bencana yang mendapat liputan meluas dalam akhbar media perdana yang berlaku dalam negara sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1 : Contoh kejadian bencana terpilih dalam negara (1988-2008)

| Bil. | Tahun | Peristiwa Bencana |
|------|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | 1988 | Keruntuhan Jeti Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth, Pulau Pinang pada 31 Julai 1988 yang mengakibatkan seramai 32 orang terkorban, manakala 1,674 orang lagi mengalami kecederaan. |
| 2 | 1991 | Letupan dan kebakaran kilang bunga api dan mercun milik Syarikat Bright Sparklers Sdn. Bhd di Sungai Buluh, Selangor pada 7 Mei 1991 mengakibatkan 22 org terkorban dan 103 orang lagi mengalami kecederaan. |
| 3 | 1992 | Kebakaran dan letupan kapal Choon Hong III di Pelabuhan Kelang pada 20 Jun 1992 mengakibatkan 10 orang terbunuh. |
| 4 | 1993 | Keruntuhan Pangsapuri Highlands Towers di Hulu Kelang, Selangor pada 11 Disember 1993, yang telah mengorbankan seramai 48 nyawa. |
| 5 | 1996 | Banjir lumpur di perkampungan orang asli di Pos Dipang, Kampung Sahom, Mukim Kampar, Perak pada 29 Ogos 1996 yang telah meragut 44 nyawa dan memusnahkan 30 buah rumah. |
| 6 | 1996 | Ribut tropika Greg yang melanda Pantai Barat Sabah pada 26 Disember 1996 yang seramai lebih daripada 230 orang terkorban dan memusnahkan lebih daripada 4,925 buah rumah. |
| 7 | 2006 | Tsunami berlaku di Malaysia pada 26 Disember 2004, terutamanya di pesisiran pantai negeri Pulau Pinang (Batu Maung dan Bayan Lepas) dan Kedah (Kuala Kedah dan Langkawi). Negeri lain yang turut dilanda tsunami tetapi pada tahap keseriusan yang rendah ialah Perak dan Selangor. Jumlah kematian daripada tsunami ialah 68 orang iaitu 52 orang di Pulau Pinang, 12 orang di Kedah, tiga orang di Perak, seorang di Selangor. |
| 8 | 2006 | Beberapa negeri di selatan Malaysia terutamanya Johor telah dilanda banjir besar mulai 18 Disember 2006 akibat hujan lebat. Banjir ini merupakan yang paling teruk di Malaysia. Banjir ini turut melanda Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. |
| 9 | 2008 | Tanah Runtuh Bukit Antarabangsa pada 6 Disember 2008 di kawasan Bukit Antarabangsa, Ulu Klang, Selangor. Empat orang terkorban dan 15 yang lain cedera di samping 14 buah rumah banglo ranap di Taman Bukit Mewah dan Taman Bukit Utama. |

Nota: Maklumat mengenai Tsunami (2004), Banjir (2006) dan Tanah Runtuh Bukit Antarabangsa (2008) diambil daripada arkib berita dalam arus media perdana seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Time dan The Star dan laman web malaysiaini (<http://www.malaysiakini.com/>)

Sumber: MKN (2009)

MKN juga telah menggariskan beberapa kejadian-kejadian bencana yang diliputi oleh MKN-20. Pelbagai jenis bencana yang telah berlaku itu sama ada yang disebabkan oleh bencana alam atau kelalaian manusia telah mengakibatkan banyak nyawa terkorban

dan kemasuhan harta benda serta membabitkan bantuan kewangan yang tinggi untuk membaik pulih bencana itu dan membantu mangsa bencana.

TAHAP PENGURUSAN BENCANA DAN JAWATANKUASA

Pengendalian bencana tidak dapat bergantung kepada sesuatu agensi atau organisasi sahaja. Malah ia memerlukan penglibatan berbagai agensi yang mempunyai kepakaran dan keupayaan masing-masing. Setiap pasukan yang terlibat dalam mengendalikan kejadian banjir hendaklah mampu menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing secara terselaras dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Ini dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik dan percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani sesuatu kejadian bencana.

Berdasarkan MKN-20, pengurusan bencana dikategorikan kepada tiga tahap mengikut turutan keseriusan bencana, impak kepada penduduk dan liputan kawasan bencana tersebut, iaitu Bencana Tahap I, Bencana Tahap II dan Bencana Tahap III sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Rajah 1.1 meringkaskan tahap bencana yang Tahap I boleh dikendalikan oleh pihak berkuasa di peringkat Daerah, Tahap II di peringkat Negeri, dan Tahap III di peringkat Pusat serta Jawatankuasa yang terlibat. Bagaimanapun, ketentuan tahap bencana bergantung kepada penilaian pihak berkuasa di Daerah/Negeri/Pusat untuk menentukan pengurusan atau mencadangkan pengambilalihan pengendalian bencana oleh pihak yang lebih tinggi.



Rajah 1: Tahap kejadian bencana dan jawatankuasa yang berkaitan
Sumber: MKN (2009)

Bahagian Keselamatan Negara (BKN) memainkan peranan sebagai Urusetia kepada Jawatankuasa Pengurusan Dan Bantuan Bencana di setiap peringkat pengendalian bencana yang berkenaan bagi memastikan JPBB, JPBBN dan JPBBP dapat menjalankan tanggungjawab pengurusan bencana sebagaimana yang ditetapkan.

SISTEM PENYAMPAIAN BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR

Arahan 20 MKN jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan memberikan penumpuan terhadap sistem pengurusan bencana negara yang melibatkan usaha menyalurkan bantuan keselamatan peringkat pra banjir, semasa banjir dan pasca banjir. Justeru, adalah wajar dibincangkan apakah bentuk-bentuk bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan dalam meringankan beban mangsa banjir.

Bagi maksud kertas kerja ini, pengalaman mangsa banjir di 12 daerah di negeri Kedah dengan sampel kajian seramai 534 orang daripada populasi kajian 3,674 keluarga mangsa banjir (14 peratus) dijadikan asas perbincangan. Pengalaman mereka diperolehi melalui pendekatan survei dan temubual kumpulan sasaran secara (TKS) bersemuka.

Berdasarkan pengalaman mangsa banjir, terdapat pelbagai institusi penyumbang yang menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di antaranya ialah kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri, NGO, parti politik, wakil rakyat dan individu. Namun, institusi penyumbang utama bantuan kewangan kepada mangsa banjir ialah kerajaan Persekutuan dan Negeri.

JENIS-JENIS BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR

Terdapat dua jenis bantuan yang disalurkan kepada mangsa banjir iaitu bantuan berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Persoalan yang menarik ialah bilakah bantuan-bantuan tersebut disalurkan dan apakah bentuk bantuan bukan kewangan tersebut?

Bantuan Kewangan

Perbincangan bantuan kewangan ini dilihat dari tiga (3) perspektif iaitu institusi penyumbang, bila sumbangan disalurkan dan nilai sumbangan tersebut. Berdasarkan pengalaman mangsa banjir, institusi penyumbang utama ialah kerajaan Persekutuan dan Negeri. Bantuan kewangan ini pula difokuskan selepas banjir kerana mangsa banjir lebih memerlukan bantuan yang bukan kewangan. Mangsa banjir menerima bantuan daripada pihak berkuasa dan institusi penyumbang lain. Nilai bantuan yang disalurkan oleh pihak berkuasa ialah di antara RM300 hingga RM500 bagi setiap ketua isi rumah. Untuk mencekапkan lagi sistem penyampaian bantuan kewangan kepada mangsa banjir, mangsa


banjir mencadangkan **Dana Bantuan Sehentian** diwujudkan bagi membolehkan institusi penyumbang selain pihak berkuasa menyalurkan bantuan masing-masing ke dana tersebut dan agihannya diuruskan oleh pihak berkuasa.

Bantuan Bukan Kewangan

Selain bantuan kewangan, pengalaman mangsa banjir juga menunjukkan terdapat beberapa bentuk bantuan bukan kewangan yang disediakan oleh pihak berkuasa dan institusi penyumbang lain kepada mangsa banjir, antaranya penyediaan pusat pemindahan, makanan, minuman dan pakaian. Bantuan makanan yang penting disalurkan kepada mangsa banjir ialah beras, sardin, roti, biskut dan minuman. Semua itu adalah makanan asas dan perlu dibekalkan kepada mangsa banjir sama ada di pusat pemindahan banjir atau rumah mangsa banjir.


Jika dilihat aspek tempoh masa dan lokasi bantuan, pengalaman mangsa banjir mengatakan bahawa ada bantuan yang disalurkan semasa banjir, selepas banjir dan kombinasi semasa dan selepas banjir. Bagi mangsa banjir yang berpindah ke pusat pemindahan, bantuan akan disalurkan di pusat itu. Bagi mereka yang tidak berpindah, bantuan akan disalurkan di rumah masing-masing. Oleh itu, terdapat pelbagai kemungkinan bagaimana mangsa banjir menerima bantuan, iaitu (1) di pusat pemindahan, bagi (semasa banjir); (2) di rumah (semasa banjir); (3) di rumah (selepas banjir); (4) di rumah (semasa dan selepas banjir). Ini bererti mangsa banjir menerima bantuan lebih daripada sekali.

Rajah 2 menunjukkan komposisi bantuan bukan kewangan yang terdiri daripada beras, sardin, pakaian (termasuk tikar dan selimut), dan biskut (termasuk roti dan minuman). Daripada sampel kajian, beras merupakan makanan utama yang dibekalkan institusi penyumbang iaitu 31 peratus, diikuti dengan biskut (termasuk roti dan minuman), 28 peratus, sardin, 25 peratus, pakaian (termasuk tikar dan selimut), 16 peratus.



Rajah 2: Komposisi Penerimaan Bantuan Bukan Kewangan, % bilangan responden

Seperi dalam Rajah 3, mangsa banjir banyak menerima bantuan daripada pihak berkuasa iaitu kerajaan Persekutuan dan Negeri, iaitu hampir 70 peratus, diikuti dengan parti politik (19 peratus), NGO (6 peratus) dan saudara mara (6 peratus). Ini kerana, selain daripada tanggungjawab sosial, pihak berkuasa mempunyai dana untuk membantu mangsa bencana.



Rajah 3: Kepentingan institusi penyumbang dalam penyampaian bantuan kepada mangsa banjir, %

Bantuan Beras

Jadual 2 menunjukkan bantuan beras lebih disalurkan kepada mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan berbanding mangsa banjir yang berada di rumah sendiri semasa banjir berlaku iaitu seramai 331 responden (62 peratus daripada sampel kajian) berbanding 55 responden (10 peratus). Institusi penyumbang utama ialah pihak berkuasa berbanding dengan pihak NGO, parti politik dan saudara mara. Ini kerana kerajaan Persekutuan mempunyai dana daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara untuk membantu mangsa bencana. Dalam kalangan mangsa yang tidak berpindah, pemberian bantuan beras kepada isi rumah menumpu pada tempoh masa selepas banjir. Keadaan selepas banjir yang selalunya lebih selamat memberi akses yang lebih mudah kepada institusi penyumbang ke lokasi kejadian banjir untuk membantu mangsa bencana.

Jadual 2: Bantuan beras untuk mangsa banjir

| Institusi penyumbang | Pusat | | | Rumah | | | Pusat | | |
|----------------------|-------------------------|----------|------------------|-----------------|--------------------|---------|--------|----------------|----------------------|
| | Responden yang menjawab | | Pusat pemindahan | Banjir (semasa) | Semasa dan Selepas | | Semasa | tidak menjawab | Jumlah sampel kajian |
| | menerima bantuan | (semasa) | banjir | dan rumah | Selepas | Selepas | soalan | kajian | |
| Persekutuan | 290 | 140 | 70 | 22 | 46 | 12 | 244 | 534 | |
| Negeri | 185 | 98 | 43 | 12 | 29 | 3 | 349 | 534 | |
| NGO | 35 | 24 | 3 | 2 | 6 | 0 | 499 | 534 | |
| Parti Politik | 156 | 61 | 13 | 10 | 66 | 6 | 378 | 534 | |
| Saudara mara | 47 | 8 | 2 | 9 | 24 | 4 | 487 | 534 | |
| Jumlah | | 331 | 131 | 55 | 171 | 25 | | | |

Bantuan Sardin

Jadual 3 pula menunjukkan bahawa bantuan sardin (dalam tin) yang merupakan bantuan makanan yang popular yang disalurkan kepada mangsa banjir. Trend bantuan sardin adalah sama seperti untuk bantuan beras. Untuk bantuan pada semasa banjir, kira-kira 305 responden (57 peratus daripada sampel kajian) menerima bantuan sardin di pusat perpindahan berbanding dengan mangsa banjir di rumah, iaitu 30 responden (6 peratus). Ini bererti bantuan makanan (beras dan sardin) menumpu kepada responden yang berada di pusat pemindahan dan pada semasa berlakunya banjir berbanding responden yang tidak berpindah.

Jadual 3: Bantuan sardin untuk mangsa banjir

| Institusi penyumbang | Pusat | | | Rumah | | | Pusat | | |
|----------------------|-------------------------|----------|------------------|-----------------|--------------------|---------|--------|----------------|----------------------|
| | Responden yang menjawab | | Pusat pemindahan | Banjir (semasa) | Semasa dan Selepas | | Semasa | tidak menjawab | Jumlah sampel kajian |
| | menerima bantuan | (semasa) | banjir | dan rumah | Selepas | Selepas | soalan | kajian | |
| Persekutuan | 243 | 138 | 52 | 13 | 33 | 7 | 291 | 534 | |
| Negeri | 173 | 101 | 35 | 8 | 26 | 3 | 361 | 534 | |
| NGO | 31 | 19 | 3 | 1 | 8 | 0 | 503 | 534 | |
| Parti Politik | 104 | 42 | 5 | 6 | 50 | 1 | 430 | 534 | |
| Saudara mara | 29 | 5 | 3 | 2 | 18 | 1 | 505 | 534 | |
| Jumlah | | 305 | 98 | 30 | 135 | 12 | | | |

Bantuan Roti, Biskut Dan Minuman

Trend bantuan roti, biskut dan minuman adalah sama seperti bantuan beras dan sardin. Oleh itu analisis trend bantuan beras dan sardin boleh dipanjang kepada bantuan roti, biskut dan minuman. Jadual 4 secara tersendirinya menerangkan trend bantuan roti, biskut dan minuman.

Jadual 4: Bantuan roti, biskut dan minuman untuk mangsa banjir

| Institusi penyumbang | Pusat | | | Rumah | | | Responden | | |
|----------------------|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------|--------------------|---------|---------|-----------------------|----------------------|--|
| | Responden yang menerima bantuan | Pusat pemindahan banjir (semasa) | Banjir dan rumah (selepas) | Semasa dan Selepas | | Selepas | tidak menjawab soalan | Jumlah sampel kajian | |
| | menjawab | pemindahan banjir | (semasa) | Semasa | Selepas | Selepas | | | |
| Persekutuan | 261 | 145 | 55 | 20 | 32 | 9 | 273 | 534 | |
| Negeri | 181 | 98 | 41 | 10 | 29 | 3 | 353 | 534 | |
| NGO | 43 | 20 | 2 | 3 | 18 | 0 | 491 | 534 | |
| Parti Politik | 120 | 49 | 5 | 10 | 56 | 0 | 414 | 534 | |
| Saudara mara | 40 | 7 | 1 | 4 | 19 | 9 | 494 | 534 | |
| Jumlah | 319 | 104 | 47 | 154 | 21 | 534 | 534 | 534 | |

Bantuan Pakaian, Selimut dan Tikar

Seperti yang dijangkakan, trend bantuan pakaian, selimut dan tikar mengikut trend bantuan makanan. Oleh itu, analisis trend bantuan makanan boleh dipanjangkan untuk bantuan pakaian, selimut dan tikar. Jadual 5 menerangkan trend bantuan pakaian, selimut dan tikar.

Jadual 5: Bantuan pakaian untuk mangsa banjir

| Institusi penyumbang | Pusat | | | Rumah | | | Responden | | |
|----------------------|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------|--------------------|---------|---------|-----------------------|----------------------|--|
| | Responden yang menerima bantuan | Pusat pemindahan banjir (semasa) | Banjir dan rumah (selepas) | Semasa dan Selepas | | Selepas | tidak menjawab soalan | Jumlah sampel kajian | |
| | menjawab | pemindahan banjir | (semasa) | Semasa | Selepas | Selepas | | | |
| Persekutuan | 144 | 109 | 10 | 10 | 13 | 2 | 390 | 534 | |
| Negeri | 99 | 82 | 4 | 8 | 4 | 1 | 435 | 534 | |
| NGO | 39 | 17 | 2 | 2 | 18 | 0 | 495 | 534 | |
| Parti Politik | 47 | 35 | 4 | 2 | 5 | 1 | 487 | 534 | |
| Saudara mara | 32 | 6 | 2 | 2 | 15 | 7 | 502 | 534 | |
| Jumlah | 249 | 22 | 24 | 55 | 11 | 534 | 534 | 534 | |

RUMUSAN

Bantuan bukan kewangan seperti beras, sardin, roti, biskut dan minuman merupakan bantuan bahan makanan utama yang disalurkan kepada mangsa banjir. Bantuan lain seperti bantuan pakaian, tikar, selimut, tilam dan ubatan juga disediakan di pusat pemindahan. Pengalaman mangsa banjir menunjukkan bahawa institusi penyumbang bantuan menumpu kepada mangsa banjir di pusat pemindahan kerana mereka ini terputus bekalan makanan, minuman dan pakaian. Selain itu, urusan pengagihan bantuan adalah lebih mudah di pusat pemindahan kerana mereka telah mendaftar sebagai mangsa banjir. Sebaliknya, bagi mangsa banjir yang tidak berpindah, bantuan tetap diagihkan, namun ia lebih menumpu selepas banjir kerana institusi penyumbang lebih mudah ke tempat kejadian banjir. Ini bermakna, mangsa banjir yang tidak berpindah perlu bersiap sedia dengan segala kemungkinan sekiranya lewat menerima bantuan ketika banjir berlaku, lebih-lebih lagi situasi banjir semakin serius. Terdapat pelbagai institusi yang turut membantu pihak kerajaan untuk meringankan beban mangsa banjir. Institusi penyumbang terbesar adalah pihak kerajaan Persekutuan dan Negeri. Peranan institusi penyumbang lain dan individu tidak juga boleh dinafikan dalam meringankan beban mangsa banjir. Bagaimanapun, dari aspek penyelarasaran bantuan, dapatkan kajian mendapati bahawa mangsa banjir merasakan bahawa masih tidak wujud penyelarasaran di antara institusi yang menyumbang bantuan bukan kewangan kepada mangsa banjir. Ini menyebabkan ada mangsa banjir yang tidak menerima bantuan. Jika dapat, ada mangsa banjir yang menerima lebih daripada sekali.

CADANGAN

Berdasarkan sistem pengurusan bencana yang begitu bersistematik sebagaimana yang dijelaskan melalui Arahan 20 MKN, maka adalah sewajarnya sistem penyampaian bantuan kepada mangsa banjir turut diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak berkuasa. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan bahawa bagi memudahkan pengurusan bantuan disalurkan dengan cepat kepada mangsa banjir, adalah wajar mangsa banjir perlu berpindah ke pusat pemindahan supaya pengurusan bencana adalah lebih terurus bagi tujuan penyaluran bantuan kewangan dan bukan kewangan yang lebih efisien. Sebaliknya, jika ada mangsa banjir tidak berpindah walaupun dinasihatkan oleh pihak berkuasa, maka agak sukar untuk menyalurkan bantuan semasa banjir berlaku kerana fokus bantuan adalah di pusat pemindahan. Selain itu, bagi memastikan tidak wujud masalah pertindihan, pilih kasih, kepentingan diri atau kepartian ketika usaha membantu mangsa banjir dilaksanakan, adalah dicadangkan **Dana Tabung dan Maklumat Sehentian** diwujudkan bagi memudahkan pengumpulan sumbangan dan pengagihan bantuan dilaksanakan. Semua itu boleh mencekапkan sistem penyelarasaran bantuan dalam kalangan pihak berkuasa dan institusi penyumbang lain.

RUJUKAN

- Albala-Bertrand, JM 1993, *Political economy of large natural disasters with special reference to developing countries*, Cladendon Press, Oxford.
- Carter, WN 1991, *Disaster management: a disaster manager's handbook*, Asian Development Bank, Manila.
- Majlis Keselamatan Negara 2009, 'Arahan No. 20: dasar dan mekanisme pengurusan dan bantuan bencana negara. Majlis Keselamatan Negara', Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. (*tarikh cetakan 19 Mei 2009*)
- Tsukagoshi, I 1993, 'Disasters management planning', kertas kerja yang dibentangkan kepada 21st First International Training Course in Regional Development Planning, Nagoya, Jepun, 20 April.
- United Nations International Strategy for Disaster Reduction 2002, *Guidelines for reducing flood losses*, United Nations, Geneva.
- United Nations International Strategy for Disaster Reduction 2004, *Living with risk: a global review of disaster reduction initiatives*, United Nations, Geneva.
- World Meteorological Organization 1999, *Comprehensive risk assessment for natural hazards*, WMO/TD No. 955, Geneva.